

# Tiada lagi kelibat pekerja asing di Pasar Borong KL

**Kuala Lumpur:** Keriuhan kumpulan pekerja yang rancak menghidupkan awal pagi di Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang satu waktu dahulu, seakan 'ditelan' pandemik apabila suasana nanya jauh berbeza ketika ini.

Paling ketara, kelibat pekerja asing tidak lagi kelihatan susulan arahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang hanya membenarkan warga tempatan bekerja di situ, berkuat kuasa 23 Oktober 2020.

Tinjauan *BH* mendapati, sesi pemunggahan barang pada jam 8.30 pagi semalam digerakkan sepenuhnya oleh pekerja tempatan, manakala keadaan keseluruhan pasar tenang dengan urusan harian.

Warga asing yang hadir hanya pelanggan memberi barang keperluan masing-masing.

Tinjauan mendapati, persekitaran di pasar borong itu lebih bersih, selain tidak terlalu ramai pekerja berbanding situasi di tempat sama sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 berikutan penularan COVID-19.

Sebelum tempoh itu, suasana pasar borong berkenaan dipenuhi pekerja asing warga Vietnam, Myanmar dan Bangladesh, selain kalangan etnik Rohingya.

Bagaimanapun, keadaannya berbeza di premis seperti kedai runcit berhampiran pasar borong itu dengan ramai pekerja asing dilihat bekerja.

Pemborong, Jennifer LW, yang ditemui mendakwa, ada antara bekas pekerja pasar borong beralih ke kedai runcit berham-

piran susulan larangan itu.

Beliau mengakui kurang ber-setuju dengan larangan warga asing bekerja di pasar borong tetapi boleh bekerja di premis lain.

"Tindakan kerajaan itu untuk beri peluang kepada warga tempatan, tapi saya ada masalah cari pekerja tempatan kerana kebanyakannya tidak serius bekerja, suka merungut dan ada yang meminta gaji tinggi."

"Sejak PKP 1.0, memang susah nak cari orang tempatan bekerja di pasar borong. Kami tidak kisah soal umur atau pengalaman, yang penting mesti rajin bekerja."

"Kalau ikut pengalaman saya, orang tempatan suka minta macam-macam seperti gaji tinggi, makan berapa kali, cuti berapa hari dan sebagainya."

"Kita bayar gaji warga tempatan lebih tinggi dalam lingkungan RM80 sehingga RM120 sehari, dapat cuti sehari seminggu, ada caruman PERKESO, KWSP dan bayaran kerja lebih masa."

"Malah, kalau ada untung, kita beri sedikit ganjaran. Warga asing kita bayar gaji RM50 sehingga RM60 sehari tetapi mereka ini lebih rajin, serius dan setia dengan majikan," katanya ketika ditemui *BH*, semalam.

Jennifer mendakwa kekurangan pekerja asing menjelaskan operasi perniagaan kerana tidak cukup kakitangan memunggah barang dan melakukan penghantaran.

Malah, wanita berusia 30 tahun itu terpaksa turun seawal jam 7 pagi untuk memunggah sayur dari lori.